

## **BAB TIGA**

### **TAKAFUL**

#### **3.1 PENGENALAN**

Takwim Gregory digunakan secara meluas di Malaysia meliputi semua hal ehwal ekonomi, sosial, politik, perundangan juga mencakupi hal ehwal antarabangsa. Manakala takwim Hijri pula digunakan dalam hal ehwal berkaitan ibadah termasuk menyambut Ramadan, Syawal, dan Zulhijjah. Takaful pula dilihat sebagai suatu bentuk skim perlindungan untuk peserta takaful yang menyertainya meliputi orang perseorangan, kenderaan, rumah, dan harta benda yang boleh ditakafulkan. Oleh itu, Perkara penting yang akan dibincangkan dalam bab ini adalah berkaitan bagaimana kaedah pelaksanaan takaful motor di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. (TISB) dilaksanakan. Dalam bab ini, metode kajian perpustakaan dan kajian lapangan digunakan dalam proses pengumpulan data. Seterusnya, analisis induktif diaplikasikan dalam merumuskan perkara-perkara tersebut. Justeru, secara keseluruhan bab ini akan menjawab persoalan dan objektif pertama yang diutarakan dalam bab satu.

#### **3.2 DEFINISI TAKAFUL**

Makna takaful dari segi istilah ialah: Penyertaan sekumpulan individu dalam satu skim yang membolehkan mereka bekerjasama dalam menanggung sebarang kemudaratan yang berlaku terhadap salah seorang peserta dengan membayar

pampasan yang munasabah kepada ahli yang ditimpa mudarat melalui wang yang disumbangkan oleh peserta-peserta yang dibayar secara ansuran<sup>1</sup>

Menurut Akta Takaful 1984<sup>2</sup>, takaful didefinisikan sebagai satu skim yang berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada peserta-peserta jika diperlukan di mana peserta-peserta sama-sama bersetuju untuk memberi sumbangan bagi maksud itu<sup>3</sup>.

Perkataan takaful dalam bahasa arab diambil dari wazan *kafala* dalam ‘ilm *ṣārf* yang bererti untuk menjamin, menjaga atau memelihara. Takaful merupakan kata nama (terbitan) yang berasal daripada kata kerja *takāfala* yang membawa maksud saling menjamin, saling menjaga dan saling memelihara. Selari dengan ajaran agama Islam yang menyuruh manusia saling tolong menolong seperti dalam surah *al-Mā'idah* ayat 2, hal ini kerana takaful mengandungi prinsip-prinsip kerjasama, saling tolong menolong dan tanggungjawab bersama<sup>4</sup> yang merupakan asas kepada sistem insurans Islam. Firman Allah SWT:-

... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ  
وَالْعُدْوَانِ .... ﴿٢٥﴾

<sup>1</sup> ʿAbd Sattar Abū Ghudāh, *Buhūth Fi Al-Muʿamalat Wa al-Asālib Al-Maṣrafiyyah Al-Islāmiyyah*, 9th ed. (Dallah al-Barakah, 2008).276

<sup>2</sup> Akta Takaful 1984 sudah digantikan dengan Islamic Financial Service Act 2013 (IFSA). Rujuk Bank Negara Malaysia, “Islamic Financial Services Act 2013,” dilihat pada 19 November, 2014, [http://www.bnm.gov.my/documents/act/en\\_ifsa.pdf](http://www.bnm.gov.my/documents/act/en_ifsa.pdf).

<sup>3</sup> IBFIM, *Buku Panduan Asas Takaful* (Kuala Lumpur: Islamic Banking and Finance Institute Sdn. Bhd, 2010).10

<sup>4</sup> Joni Tamkin Borhan dan Che Zarrina Sa’ari, “The Principle of Al-Takaful (Collective Responsibility) in Islam and Its Practice in the Operations of Syarikat Takaful Malaysia Berhad,” *Jurnal Usuluddin* 17 (2003): 33–56.

Bermaksud: “...Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan takwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan..”

Surah *al-Mā'idah* (5): 2

Jelaslah di sini takaful bermaksud sama-sama memberi jaminan iaitu mengadakan sesuatu perjanjian untuk memberi jaminan. Jaminan boleh diperolehi dengan menyertai skim takaful yang dikendalikan oleh syarikat-syarikat takaful berdaftar dengan peserta yang inginkan jaminan.

### 3.3 KONSEP TAKAFUL

Takaful mempunyai konsep dan matlamat tertentu. Konsep asas takaful ialah *tabarru'* dan *ta'āwun* yang menjadi pegangan asas dalam setiap sijil yang disertai oleh peserta<sup>5</sup>. Kedua-dua konsep asas takaful ini akan digabung dengan dengan konsep akad. Akad *tabarru'* (sumbangan kebajikan) dan akad *ta'āwun* (kerjasama dan tolong menolong) akan disatukan untuk memberi kefahaman kepada peserta bahawa apabila menyertai skim takaful, mereka dengan rela hati dan ikhlas hati memberi sumbangan ke dalam satu tabung khas yang akan digunakan bagi tujuan membantu peserta lain yang ditimpa musibah.

Terjadi suatu peristiwa di zaman Rasulullah S.A.W di mana kabilah *Asy'āriyyīn* apabila kehabisan makanan dalam peperangan ketika di Madinah, mereka akan meletakkan baki makanan mereka dalam satu kain untuk dibahagikan sama rata diantara mereka. Disebabkan peristiwa tersebut maka Rasulullah S.A.W

---

<sup>5</sup> Azman Mohd Noor dan Mohamad Sabri Zakaria, “Takaful : Analisis Terhadap Konsep Dan Akad,” *Jurnal Muamalat* 3 (2010): 1–28.

bersabda : “Mereka ialah rakan aku dan aku ialah rakan mereka”. Peristiwa tersebut telah dijadikan sandaran untuk menyokong penubuhan dana *tabarru'* dan dana *ta'āwun* dalam skim takaful sesama peserta<sup>6</sup>.

Melalui takaful akan dapat diwujudkan suatu perhubungan yang erat mengikut amalan dan perhubungan dalam Islam di mana para peserta perlu saling berpakat untuk sama-sama bersetuju menanggung peserta lain yang ditimpa musibah. Melalui hubungan perpaduan inilah akan terhasilnya matlamat saling membantu, saling bertanggungjawab dan saling bekerjasama sesama rakan yang menyertai takaful<sup>7</sup>.

### **3.4 PERKEMBANGAN INDUSTRI TAKAFUL DI MALAYSIA.**

Perkembangan industri takaful di Malaysia merupakan suatu perkembangan yang sihat dan penuh persaingan. Industri ini terus berkembang sehingga hari ini dengan keupayaan 12 operator takaful<sup>8</sup> merangkumi takaful keluarga dan takaful am. Bermula pada tahun 1985 syarikat takaful pertama iaitu Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB)<sup>9</sup> telah ditubuhkan. Kemudiannya MNI Takaful Sdn. Bhd (MNIT) ditubuhkan pada tahun 1993. Pada tahun 2001 Maybank takaful ditubuhkan diikuti Takaful Ikhlas Sdn. Bhd (TISB) ditubuhkan pada tahun 2003. Berikutnya pada tahun

---

<sup>6</sup> Ibid.;

<sup>7</sup> IBFIM, *Asas Takaful Buku Panduan* (Kuala Lumpur: Percetakan Mesbah Sdn.Bhd, 2010).11

<sup>8</sup> Bank Negara Malaysia, “Senarai Syarikat Insurans & Pengendali Takaful Di Malaysia,” dilihat pada 10 Mac, 2014, <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=insurance&type=TKF&lang=bm>.

<sup>9</sup> Ab.Mumin Ab.Ghani, *Sistem Kewangan Islam Dan Perlaksanaannya Di Malaysia* (Kuala Lumpur: JAKIM, 1999).340

2006, Commerce Takaful Berhad dirasmikan menjadikan takaful ke-5 dalam industri keseluruhan pada ketika itu<sup>10</sup>.

Disebabkan permintaan terhadap industri semakin baik dan bertambah, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan empat lesen takaful baharu kepada empat konsortium dengan usaha sama antara institusi kewangan domestik dan asing<sup>11</sup>. Selaras dengan dasar pemegangan saham semasa, Bank Negara Malaysia telah membenarkan sehingga 49% pemilikan kepentingan ekuiti asing dilaburkan untuk lesen takaful baharu tersebut. Antara konsortium yang terlibat ialah<sup>12</sup>:-

1. HSBC Insurance (Asia-Pacific) Holdings Limited, Jerneh Asia Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.
2. Hong Leong Bank, Millea Asia (Japan) Pte. Ltd., dan Hong Leong Assurance.
3. Bank Simpanan Nasional dan Prudential Holdings Limited.
4. MAA Holdings Berhad dan Solidarity Co., Bahrain.

Susulan pengumuman dua lesen takaful baharu pada 27 April 2009, Bank Negara Malaysia telah menerima beberapa permohonan lagi untuk lesen takaful keluarga yang wajar dipertimbangkan. Berikutan itu, dua lagi lesen akan diberikan memandangkan keadaan ekonomi semasa yang lebih menggalakkan selepas pengumuman tersebut. Menurut siaran embargo Bank Negara Malaysia yang dikeluarkan pada 1 September 2010, Menteri Kewangan telah meluluskan dua lagi

---

<sup>10</sup> Zamani Abdul Ghani, *Zamani Abdul Ghani: Official Launch of Commerce Takaful Berhad* (Kuala Lumpur, 7 April 2006).

<sup>11</sup> Bank Negara Malaysia, "Laporan Tahunan Takaful 2005," dilihat pada 15 April, 2014, [http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm\\_press&pg=bm\\_press\\_all&ac=1217&lang=bn](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_press&pg=bm_press_all&ac=1217&lang=bn).

<sup>12</sup> Ibid.

lesen baharu menjadikan kesemuanya empat lesen takaful baharu di bawah Akta Takaful 1984 di bawah usaha sama seperti berikut<sup>13</sup>:-

1. American International Assurance Berhad dan Alliance Bank Malaysia Berhad.
2. AMMB Holdings Berhad dan Friends Provident Group plc, UK
3. ING Management Holdings (Malaysia) Sdn Bhd, Public Bank Berhad dan Public Islamic Bank Berhad.
4. The Great Eastern Life Assurance Company Limited, Singapore dan Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad.

Menurut laporan Bernama, dijangkakan penembusan pasaran takaful di Malaysia dapat mencecah 12% pada 2012 kerana jumlah peningkatan pengendali-pengendali takaful luar negara akan ditingkatkan. Hal ini kerana Malaysia mengamalkan dasar liberalisasi sistem kewangan Islam seperti yang diumumkan Dato' Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia Ke-5<sup>14</sup>. Menurut Hasan Kamil, pertumbuhan sektor takaful dan insurans pada tahun 2014 dijangka stabil berikutan permintaan domestik. Prospek pertumbuhan yang kukuh dan pengurusan risiko yang lebih baik akan mendorong orang ramai melanggan takaful<sup>15</sup>.

---

<sup>13</sup> Bank Negara Malaysia, "Pengeluaran Lesen Takaful Keluarga Baharu," dilihat pada 15 April, 2014, [http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm\\_press&pg=bm\\_press\\_all&ac=2118&lang=bm](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_press&pg=bm_press_all&ac=2118&lang=bm).

<sup>14</sup> Merujuk kepada kenyataan media YAB dato' Seri Najib Tun Razak langkah-langkah liberalisasi ini, yang akan dilaksanakan dari tahun 2009 hingga tahun 2012, adalah sejajar dengan inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan perubahan struktur dalam ekonomi dan mempelbagaikan sumber pertumbuhan untuk terus memacu pertumbuhan ekonomi negara. Pejabat Perdana Menteri, "tanpa tajuk," dilihat pada 19 Julai, 2011, [http://www.pmo.gov.my/?menu=news&news\\_id=45&news\\_cat=4&page=1729](http://www.pmo.gov.my/?menu=news&news_id=45&news_cat=4&page=1729).

<sup>15</sup> [www.sinarharian.com](http://www.sinarharian.com), "Pertumbuhan Sektor Insurans, Takaful 2014 Stabil," dilihat pada 15 April, 2014, <http://www.sinarharian.com.my/wawancara/pertumbuhan-sektor-insurans-takaful-2014-stabil-1.233125>.

Disokong oleh pelbagai usaha untuk mempromosikan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa (MIFC), Malaysia telah mencatat pertumbuhan purata 20.0% sebagai peneraju kewangan Islam dalam tempoh lima tahun lepas<sup>16</sup>. Pelbagai usaha telah dilakukan dengan melantik Malaysia mengengerusikan pasukan petugas mengenai kewangan Islam dan kestabilan kewangan global di mana Forum Kestabilan Kewangan Islam ditubuhkan (IFSF), selain itu penubuhan INCEIF dan ISRA juga telah memberi fokus kepada pembangunan kepakaran serta penyelidikan dalam bidang syariah dan kewangan Islam antarabangsa. ISRA dan Thompson Reuters telah menandatangani MOU pada Februari 2010<sup>17</sup> untuk meningkat profil serta kepakaran berkaitan fatwa dan pandangan syariah. Usaha ini dilihat dapat mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai pusat rujukan kewangan Islam antarabangsa.

\

### **3.5 TAKAFUL AM**

Takaful am biasanya merupakan kontrak takaful berjangka pendek. Ia merangkumi prospek perniagaan motor dan bukan motor (*non-motor*)<sup>18</sup> yang meliputi harta benda dan perkakasan atau dikenali dengan harta boleh insurans. Bermula dengan sekecil-kecil nilai boleh insurans hingga kepada bangunan-bangunan besar seperti menara KLCC, menara Kuala Lumpur dan sebagainya. Begitu juga jika seseorang ingin menaiki kenderaan, maka kenderaan tersebut perlulah diinsuranskan terlebih dahulu. Seseorang akan menanggung kerugian jika

---

<sup>16</sup> Kementerian Kewangan Malaysia, “tanpa tajuk,” dilihat pada 15 Julai, 2011, <http://www.treasury.gov.my/bajet2011/data/le/bab5.pdf>.

<sup>17</sup> Ibid.

<sup>18</sup> International Shari’ah Research Academy for Islamic Finance, *Islamic Financial System Principles & Operation*, ed. Asyraf Wajdi Dusuki (Kuala Lumpur: ISRA, 2011).512

kenderaan, barangan malah kediaman yang dimiliki musnah atau terbakar disebabkan kecuaiannya manusia atau orang lain.

Utusan melaporkan, industri takaful am mencatatkan pertumbuhan positif pada tahun 2013 dengan jumlah pendapatan premium kasar meningkat dari 15.2 bilion pada tahun 2012 kepada 16.2 bilion pada tahun 2013<sup>19</sup>. Laporan menyebut dari segi penguasaan pasaran, insurans kenderaan kekal sebagai penyumbang terbesar dengan 46.6% berbanding 46% pada tahun 2012 didikuti oleh insurans kebakaran iaitu sebanyak 17.3%<sup>20</sup>. Peningkatan positif ini akan menambah keyakinan orang ramai terhadap insurans dan takaful selaras dengan matlamat Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa (MIFC).

### **3.6 TAKAFUL MOTOR**

Takaful motor adalah satu sijil menyeluruh takaful yang direka untuk melindungi peserta takaful terhadap kerosakan kenderaan sendiri daripada kemalangan, kebakaran, kecurian, kecederaan tubuh badan atau kematian pihak ketiga, kerosakan atau kerugian harta benda pihak ketiga. Dengan takaful motor, bukan hanya kenderaan sahaja yang dilindungi, malah lebih daripada itu. Peserta yang menyertai takaful motor ini berpeluang membantu peserta lain yang mengalami musibah dengan kadar *tabarru'* yang ditetapkan<sup>21</sup>. Ini Bermakna peserta tersebut mengamalkan konsep tolong menolong seperti yang dianjurkan oleh Islam dalam

---

<sup>19</sup> Utusan Online, "Industri Insurans Am Terus Berkembang," dilihat pada 10 April, 2014, [http://www.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20140403/ek\\_03/Industri-insurans-am-terus-berkembang](http://www.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20140403/ek_03/Industri-insurans-am-terus-berkembang).

<sup>20</sup> Ibid.

<sup>21</sup> Insurans Info, "No Title," 2 Mac 2012., [http://www.insuranceinfo.com.my/choose\\_your\\_takaful/things\\_to\\_note/motor\\_takaful\\_policies.php?intPrefLangID=2&#content1](http://www.insuranceinfo.com.my/choose_your_takaful/things_to_note/motor_takaful_policies.php?intPrefLangID=2&#content1).



keterangan surah *al-Mā'idah* ayat 2 yang disebut sebelum ini. Takaful motor memberi perlindungan kepada peserta merangkumi perlindungan seperti berikut yang mengambil tempoh kebiasaan satu tahun Gregory untuk menyertai atau memperbaharunya :-

1. **Perlindungan Komprehensif** – sijil ini merangkumi kesemua perlindungan yang terdapat dalam sijil takaful motor. Ia melindungi kerosakan atau kerugian sendiri akibat kemalangan, kerugian atau kerosakan kenderaan sendiri akibat kebakaran yang disengajakan atau tidak disengajakan dan kesemua tanggungan liabiliti untuk pihak ketiga termasuk kematian, kerugian dan kerosakan harta benda dan kecederaan.
2. **Perlindungan pihak ketiga, kebakaran dan kecurian** – sijil ini pula melindungi kesemua kerugian atau kerosakan kenderaan sendiri akibat kebakaran yang disengajakan atau tidak disengajakan dan kesemua tanggungan liabiliti untuk pihak ketiga termasuk kematian, kerugian dan kerosakan harta benda dan kecederaan.
3. **Perlindungan pihak ketiga** – Perlindungan dalam sijil ini biasanya hanya melindungi pihak ketiga sahaja. Ini bermakna kesemua tanggungan liabiliti untuk pihak ketiga termasuk kematian, kerugian dan kerosakan harta benda dan kecederaan adalah dilindungi dalam sijil ini.

Perlindungan untuk takaful motor juga boleh disimpulkan dalam jadual di bawah seperti berikut :-

Jadual 3.1: Jenis Perlindungan Untuk Sijil Takaful

Perlindungan Untuk	Jenis-jenis Perlindungan		
	Pihak ketiga	Pihak ketiga, kebakaran dan kecurian	Komprehensif
<b>Liabiliti pihak ketiga untuk</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kecederaan</li> <li>• Kematian</li> <li>• Kerugian/ Kerosakan harta benda</li> </ul>	Ya	Ya	Ya
Kerugian/kerosakan kenderaan sendiri akibat kebakaran tidak sengaja atau kecurian	Tidak	Ya	Ya
Kerugian/kerosakan kenderaan sendiri akibat kemalangan	Tidak	Tidak	Ya
Liabiliti kepada pemandu dan penumpang kenderaan sendiri (kecederaan diri, harta benda, kematian)	Tidak	Tidak	Tidak

Sumber: [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Jadual 3.1 di atas menjelaskan jenis keadaan perlindungan yang melindungi pemegang sijil takaful motor. Jenis perlindungan terbahagi kepada tiga iaitu pihak ketiga, pihak ketiga yang melibatkan kebakaran dan kecurian dan perlindungan komprehensif. Perlindungan pihak ketiga sebenarnya hanya melindungi kecederaan, kematian dan kerosakan harta benda bagi pihak yang menuntut sekiranya sesuatu kemalangan terjadi. Bermakna ianya tidak melindungi harta benda, kematian, dan kecederaan pemegang sijil sendiri. Begitu juga dengan jenis perlindungan pihak ketiga yang membabitkan kebakaran dan kecurian. Ianya hanya melindungi pihak yang menuntut ketika sesuatu kemalangan atau kemusnahan terjadi. Baiknya sijil jenis ini melindungi kerugian peserta takaful yang melibatkan kebakaran atau kecurian. Jenis perlindungan terbaik ialah perlindungan komprehensif di mana

perlindungan jenis ini melindungi pemegang sijil takaful yang melibatkan perbuatan sendiri atau orang lain termasuk pihak ketiga.

Walaupun sijil takaful motor melindungi ketiga-tiga jenis perlindungan yang disebut di dalam jadual 3.1 di atas. Tetapi masih terdapat pengecualian dalam perlindungan terhadap sijil takaful motor yang diambil oleh seseorang peserta takaful. Antara pengecualian yang tidak dilindungi dalam sijil takaful motor ialah :-

- i) Kematian atau kecederaan diri sendiri
- ii) Liabiliti terhadap tuntutan daripada penumpang kenderaan sendiri
- iii) Kecurian aksesori kenderaan yang tidak dipasang di kilang (stereo kereta, kerusi kulit, rim dsb) melainkan telah diisytiharkan
- iv) Kerugian lanjutan, susut nilai, haus dan lusuh, kerosakan mekanikal atau elektrik atau pemecahan
- v) Kerugian atau kerosakan akibat kejadian semula jadi seperti banjir, taufan, rebut dan tanah runtuh.

Walaupun bagaimanapun, masih terdapat ruang yang dibenarkan untuk peserta takaful untuk melanggan beberapa perlindungan tambahan untuk melindungi sebahagian daripada pengecualian di atas termasuk banjir, taufan dan rebut, liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang kenderaan anda, cermin gelas, aksesori tambahan termasuk radio kaset tanpa mengurangi nilai tuntutan tanpa faedah (NCD) sekiranya sesuatu musibah berlaku.

### 3.6.1 PERLINDUNGAN TAMBAHAN

Perlindungan tambahan ialah sumbangan tambahan yang dikenakan kepada peserta takaful untuk mendapat perlindungan melebihi sijil asas yang ditawarkan oleh syarikat takaful. Antara perlindungan tambahan yang melindungi kenderaan peserta takaful termasuklah<sup>22</sup> :-

- i) Pecah cermin tingkap atau cermin depan – cermin gelas sesebuah kereta yang berkecai atau pecah selain terlibat dengan kemalangan adalah dilindungi sekiranya peserta menambah sumbangan tambahan kepada syarikat takaful. Biasanya tuntutan tanpa faedah (NCD) dikekalkan sekiranya tuntutan yang dibuat tidak membabitkan kemalangan.
- ii) Konvulsi Alam – apa-apa kemalangan, kerugian atau kerosakan yang melibatkan konvulsi alam termasuk banjir, ribut, taufan, ledakan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, tanah gelincir atau konvulsi alam yang lain yang tidak termasuk dalam sijil takaful motor.
- iii) Perlindungan liabiliti penumpang- adalah tuntutan daripada penumpang kenderaan yang dinaiki dalam kenderaan peserta terhadap peserta takaful.
- iv) Liabiliti sah penumpang di atas perbuatan cuai- perlakuan cuai oleh penumpang yang menyebabkan kerosakan atau kerugian kepada pihak ketiga. Perlakuan ini adalah seperti seseorang penumpang kenderaan membuka pintu kenderaan secara sengaja yang boleh menyebabkan pengguna kenderaan lain atau pejalan kaki mengalami kecederaan atau kerosakan.

---

<sup>22</sup> Islamic finance Info, Dilihat pada 2 Mac 2012., <http://www.islamicfinanceinfo.com.my/bm/mengenai-takaful/mengenal-produk-takaful-anda/takaful-motor> .

- v) Mogok dan kekecohan awam - Sesuatu situasi yang huru-hara akibat mogok atau kekecohan awam yang menyebabkan kerosakan kepada kenderaan anda.

### 3.6.2 TARIF

Sumbangan atau premium bayaran takaful motor dan insurans di Malaysia adalah berdasarkan tarif. Tarif didefinisikan sebagai senarai harga sesuatu barang jualan. Merujuk kepada tarif insurans motor Malaysia, definisinya lebih mendalam iaitu merujuk kepada satu peraturan yang menyediakan senarai premium insurans motor dan peraturan-peraturan lain yang perlu dipatuhi antara pemohon insurans dan penginsurans termasuk kontrak insurans, pemolisian insurans, tuntutan kerugian dan sebagainya<sup>23</sup>. Semenjak tahun 1978, tarif tidak pernah disemak semula dan ia mengakibatkan profil risiko sesebuah kenderaan tidak mendapat gambaran sebenar dengan situasi semasa. Disebabkan tarif tidak disemak sekian lama, ia mengakibatkan sumbangan yang dikutip oleh operator takaful tidak mencerminkan kos tuntutan yang sebenar<sup>24</sup>. Pada 2011, Bank Negara Malaysia meluluskan kadar premium baru sebagai sebahagian daripada Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu. Menurut laporan yang dikeluarkan, pelarasan itu bagi membenarkan peningkatan premium setiap tahun antara 2012 hingga 2015<sup>25</sup>.

---

<sup>23</sup> Salman bin Lambak, "Sistem Tarif Dalam Insurans Kenderaan Bermotor: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam" (Universiti Malaya, 2004).11

<sup>24</sup> Bank Negara Malaysia, "No Title," accessed 26 Jun, 2011, <http://www.bnm.gov.my/files/Discussion/paperTPBID.pdf>.

<sup>25</sup> Utusan Online, "Pelarasan Tarif Insurans Diluluskan," dilihat pada 20 April, 2014, [http://www.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20140205/ek\\_01/Pelarasan-tarif-insurans-diluluskan](http://www.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20140205/ek_01/Pelarasan-tarif-insurans-diluluskan).

Menurutnya lagi, Bank Negara Malaysia telah menghantar notis pelarasan itu kepada Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM)<sup>26</sup>. Walaupun tarif dikeluarkan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM), tetapi penggunaannya adalah merangkumi syarikat insurans konvensional dan takaful. Hal ini kerana syarikat takaful perlu mengenakan bayaran yang sama seperti dikenakan ke atas kenderaan yang melanggan polisi insurans konvensional.

### **3.6.3 TARIF KENDERAAN PERSENDIRIAN**

Kenderaan yang dilindungi oleh takaful motor dikategorikan kepada tiga kategori. Ia meliputi kenderaan persendirian, kenderaan perdagangan dan juga motosikal. Kenderaan persendirian adalah jenis kenderaan yang digunakan meliputi untuk tujuan sosial, persendirian dan perniagaan pemiliknya sahaja. Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) menakrifkan mana-mana kenderaan yang digunakan sepenuhnya oleh individu untuk kegunaan peribadi atau perniagaan dan bukan untuk tujuan sewaan, ujian keselamatan, perlumbaan dan ujian kelajuan adalah termasuk dalam kategori ini. Kenderaan ini juga meliputi van dan juga jip<sup>27</sup>.

---

<sup>26</sup> Ibid.

<sup>27</sup> Persatuan Insurans Am Malaysia, "Malaysian Motor Tariff," in *Seksyen 5* (Persatuan Insurans Am Malaysia, 1997), 1.

Berikut merupakan tarif yang digunakan oleh Takaful Ikhlas Sdn.Bhd.(TISB)

sehingga hari ini:-

Jadual 3.2: Tarif Kenderaan Persendirian; Kereta (Semenanjung Malaysia)

Keupayaan Enjin Kenderaan (RM) ( <i>cubic capacity not exceeding</i> )	Komprensif (RM) ( <i>Comprehensive</i> )		Perlindungan Pihak ketiga (RM) ( <i>Third Party Cover</i> )	Akta (RM)
1400	261.65	Tambah	108.00	97.20
1401-1650	292.00	RM26 untuk	121.50	108.00
1651-2200	323.80	setiap	135.90	122.40
2201-3050	355.50	RM1000	150.30	136.80
3051-4100	385.85	jumlah	163.35	147.60
4101-4250	416.20	perlindungan	176.40	158.40
4251-4400	448.00		190.80	172.80
4400 ke atas	478.35		203.85	183.60

Jadual 3.3: Tarif Kenderaan Persendirian; Kereta (Labuan, Sabah dan Sarawak)

Keupayaan Enjin Kenderaan (RM) ( <i>cubic capacity not exceeding</i> )	Komprensif (RM) ( <i>Comprehensive</i> )		Perlindungan Pihak ketiga (RM) ( <i>Third Party Cover</i> )	Akta (RM)
1400	190.20	Tambah	61.50	48.00
1401-1650	213.10	RM20.30	68.70	55.20
1651-2200	236.10	untuk setiap	77.40	62.40
2201-3050	258.10	RM1000	85.20	67.20
3051-4100	281.10	jumlah	92.40	74.40
4101-4250	303.10	perlindungan	100.20	79.20
4251-4400	326.10		107.40	86.40
4400 ke atas	348.10		115.20	91.20

Merujuk kepada jadual 3.2 dan 3.3 di atas, pengiraan sumbangan takaful untuk kenderaan persendirian; kereta adalah berdasarkan faktor harga semasa kenderaan, keupayaan enjin (CC) dan juga lokasi kenderaan tersebut sama ada digunakan di semenanjung Malaysia atau digunakan di Sabah, Sarawak dan juga Labuan.

Jadual 3.4 di bawah berikut dikemukakan contoh asas pengiraan (*base premium*) takaful motor untuk sesebuah kenderaan yang ditakafulkan secara komprehensif merujuk kepada tarif yang dikeluarkan untuk semenanjung Malaysia. Jadual di bawah menunjukkan sebuah kenderaan jenis Mercedes- Benz C200K dengan jumlah perlindungan RM 200 000, keupayaan enjin (cc) 1796 dan tahun diperbuat adalah 2009. Pengiraan boleh dilihat di bawah ini:-

Jadual 3.4: Contoh Asas Pengiraan Sumbangan Takaful Motor

Jenis Kenderaan	Perlindungan (RM)	Keupayaan enjin (CC)	Tahun
Mercedes Benz C200K	200 000	1796	2009

$$\begin{aligned}
 &\text{RM 1000 yang pertama 1796 CC} && =\text{RM 323.80} \\
 &200\,000-1000 = (199\,000 / 1000 \times 26) && =\text{RM 4940.00} + \\
 &\text{Sumbangan asas} && =\underline{\underline{\text{RM 5263.80}}}
 \end{aligned}$$

Harga kenderaan tersebut adalah harga asas sebelum ditolak nilai diskaun tanpa tuntutan (NCD) jika ada. Sekiranya ingin mendapatkan harga selepas ditolak nilai diskaun tanpa tuntutan, maka pengiraan akan dilakukan sekali lagi dalam perbincangan di bawah ini.



### 3.6.4 NILAI DISKAUN TANPA TUNTUTAN (NCD)

Nilai diskaun tanpa tuntutan (NCD) atau *No Claim Discount* adalah satu sistem menyesuaikan kadar premium yang dibayar oleh pemegang polisi mengikut pengalaman tuntutan insurans secara individu<sup>28</sup>. Nilai diskaun tanpa tuntutan (NCD) ini juga disebut secara ringkas dengan nama NCB iaitu *No Claim Benefit*, tetapi kebanyakan digunakan dalam takaful motor yang membabitkan kenderaan ialah nilai tuntutan tanpa diskaun (NCD). Terma ini bermaksud seseorang peserta akan diberikan peratus diskaun secara berkala sekiranya mereka menginsuranskan kenderaan mereka selama minimum dua belas bulan Gregory secara berterusan tanpa sebarang tuntutan kerugian dibuat. Diskaun ini boleh digunakan semasa pembaharuan polisi untuk dua belas bulan berikutnya<sup>29</sup>. Proses pemberian ini akan berjalan sepanjang masa selagi mana peserta tersebut tetap menggunakan kenderaannya atau menjualnya kepada orang lain.

Seseorang peserta takaful berhak mendapat nilai diskaun tanpa tuntutan (NCD) bergantung kepada jenis kenderaan bermula 0% hingga 55% bagi kenderaan persendirian manakala 0% hingga 25% bagi motosikal<sup>30</sup>. Sekiranya peserta takaful tidak membuat sebarang tuntutan kemalangan atau kerosakan persendirian semasa

---

<sup>28</sup> Haslifah Hashim dan Nurin Haniah Asmuni, "Analisis Sistem Diskaun Tanpa Tuntutan Dan Cadangan Modifikasi: Suatu Kajian Kes Di Malaysia," *Jurnal Pengukuran Kualiti Dan Analisis JQMA* 5 (2005): 29-43, [http://pkukmweb.ukm.my/~ppsmfst/jqma/v5\\_2/JQMA-5-2-03-abstractrefs.pdf](http://pkukmweb.ukm.my/~ppsmfst/jqma/v5_2/JQMA-5-2-03-abstractrefs.pdf).

<sup>29</sup> Salman bin Lambak, "Sistem Tarif Dalam Insurans Kenderaan Bermotor: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam."<sup>12</sup>

<sup>30</sup> ISM Insurance Service Malaysia Berhad, "No Title," accessed June 10, 2012, <https://www.ism.net.my/Default.aspx?tabid=78>.

tempoh perlindungan takaful, maka mereka berhak mendapat nilai diskaun tanpa tuntutan seperti dalam jadual 3.5 berikut<sup>31</sup> :-

Jadual 3.5: Nilai Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD)

Tempoh takaful	Diskaun
Selepas tahun pertama takaful	25%
Selepas tahun kedua takaful	30%
Selepas tahun ketiga takaful	38.1/3%
Selepas tahun keempat takaful	45%
Selepas tahun kelima atau lebih	55%

Untuk mendapatkan pengiraan yang sebenar selepas menolak nilai diskaun tanpa tuntutan (NCD) seperti yang dikemukakan, maka pengiraannya adalah seperti berikut:-

Sumbangan asas (base premium) - NCD (masukkan nilai NCD)

Contoh :

*Base premium* yang dikira tadi ialah :-RM 5263.80

Maka, *jumlah base premium* – andaian NCD 55%

$$\begin{aligned}
 & \text{RM } 5263.80 - (\text{RM}5263.80 \times 55\%) \\
 & = \text{RM } 5263.80 - \text{RM } 2895.09 \\
 & = \underline{\underline{\text{RM } 2368.71}}
 \end{aligned}$$

---

<sup>31</sup> Insurans Info,  
[http://www.insuranceinfo.com.my/choose\\_your\\_takaful/things\\_to\\_note/motor\\_takaful\\_policies.php?intPrefLangID=1#content2](http://www.insuranceinfo.com.my/choose_your_takaful/things_to_note/motor_takaful_policies.php?intPrefLangID=1#content2) 10 Januari 2012

### 3.6.5 HARGA SEMASA KENDERAAN (*CAR MARKET VALUE*)

Harga semasa kenderaan ialah harga yang dipersetujui oleh syarikat insurans atau takaful dalam memberikan perlindungan kepada peserta takaful. Harga ini biasanya boleh dirujuk kepada badan yang mengendalikan nilai harga sesebuah kenderaan tersebut. BNM telah memersetujui supaya syarikat takaful dan insurans menggunakan Sistem *ISM Automobile Business Intelligence* (sistem ISM-ABI<sup>32</sup>) atau mana-mana pengkalan data penilaian yang boleh dipercayai<sup>33</sup>. Berkuatkuasa 1 Ogos 2011, Bank Negara Malaysia (BNM)<sup>34</sup> telah mengeluarkan garis panduan kepada seluruh syarikat takaful dan insurans supaya mengeluarkan nota lindung (*cover note*) mengikut harga pasaran semasa kereta yang bersesuaian. Hal ini bagi mengelakkan pengguna membuat tuntutan berlebihan atau berkurangan semasa sesuatu tuntutan kemalangan dibuat. Langkah Bank Negara Malaysia (BNM) ini adalah untuk mengelak dan menangani isu insurans dan takaful berlebihan atau terkurang (*over or under-insured*) bagi kenderaan bermotor, yang akan menyebabkan pengguna membayar sumbangan yang berkurangan atau akan menerima pampasan yang lebih rendah daripada syarikat insurans dan takaful apabila membuat tuntutan kelak.

---

<sup>32</sup> ISM Insurance Services Malaysia Berhad atau sistem ISM-ABI adalah sebuah sistem pengkalan data yang diwujudkan oleh PIAM untuk menyokong harga dan tempahan dalam persekitaran ekonomi yang liberal. Sistem pengkalan data ini telah diwujudkan semenjak tahun 2011 lagi dan arahan penggunaannya berkuatkuasa 1 Ogos 2011 baru-baru ini apabila BNM memersetujui penggunaan pengkalan data tersebut. Ianya boleh dilawati di <https://www.ism.net.my/>

<sup>33</sup> Bank negara Malaysia, <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=61&pg=69&ac=2305&lang=bm> 19 Oktober 2011

<sup>34</sup> *Ibid*,

### 3.6.6 TAMBAHAN SUMBANGAN (*LOADING*)

Tambahan sumbangan kepada peserta takaful merupakan suatu isu yang hangat dibincangkan masa kini. Pekeliling yang dikeluarkan Bank Negara Malaysia (BNM) sebelum ini, menyebut kenderaan yang berumur melebihi 5 tahun akan dikenakan tambahan sumbangan (*loading*). Bermula 1 Julai 2011, semua kenderaan yang melebihi lima tahun akan dikenakan tambahan sumbangan (*loading*) yang tinggi dan hal ini sedikit sebanyak membebaskan pengguna takaful. Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) telah melaksanakan dasar ini dan akibatnya banyak kenderaan yang melebihi lima tahun dan kenderaan yang mempunyai nilai tuntutan tanpa faedah (NCD) kurang 55% juga dikenakan tambahan sumbangan (*loading*) ini. Tambahan sumbangan (*loading*) ini dikenakan adalah bagi memastikan jumlah perlindungan yang diberikan adalah setara dengan risiko yang dihadapi. Faktor-faktor tambahan sumbangan (*loading*) yang sering diguna pakai ialah umur pemandu, ciri-ciri kehemahan pemandu, tuntutan yang lepas bagi sesebuah kenderaan, kenderaan yang dipulih semula dan kapasiti enjin.<sup>35</sup>

### 3.6.7 NILAI KEUPAYAAN ENJIN (CC)

Sesebuah kenderaan yang berada di atas jalanraya diberi perlindungan takaful berdasarkan nilai keupayaan enjin atau disebut *cubic capacity* (CC) iaitu nilai isian padu sesebuah kenderaan<sup>36</sup> Nilai keupayaan enjin (CC) ini memainkan peranan penting dalam harga nota lindung (*cover note*) yang dikeluarkan oleh sesebuah

---

<sup>35</sup> Insurans Info, [http://www.insuranceinfo.com.my/choose\\_your\\_takaful/things\\_to\\_note/motor\\_takaful\\_policies.php?intPrefLangID=2#content3](http://www.insuranceinfo.com.my/choose_your_takaful/things_to_note/motor_takaful_policies.php?intPrefLangID=2#content3) 10 januari 2012.

<sup>36</sup> Pusat Rujukan Persuratan Melayu, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=cubic+capacity> 10 Januari 2012.

syarikat takaful. Jika nilai keupayaan enjin (CC) ini tinggi maka harga takaful juga adalah tinggi, jika nilai keupayaan enjin nya (CC) rendah, maka harga adalah sebaliknya. Hal ini boleh dirujuk pada jadual 3.2 dan jadual 3.3 sebelum ini yang menyatakan bahawa nilai tarif yang dikeluarkan oleh Bank negara Malaysia (BNM) adalah berdasarkan harga keupayaan enjin (CC) ini.

### 3.7 PANDANGAN ULAMA TENTANG INSURANS DAN TAKAFUL

Perbahasan mengenai hukum insurans telah lama diperkata dan diperbahaskan. Bermula dengan fatwa pertama yang dikeluarkan oleh Ibn ‘Ābidīn<sup>37</sup> mengenai hukum insurans sehinggalah perbahasan zaman mutakhir ini, didapati terdapat beberapa hukum khusus yang telah dibahaskan oleh ulama di seluruh dunia. Terdapat tiga pendapat khusus tentang insurans tersebut iaitu:-

#### 1. Golongan Mengharamkan Insurans Konvensional.

Pendapat ini merupakan pendapat sebahagian fuqaha dan pakar ekonomi. Antaranya terdiri dari al-Syeikh Bakhīt al-Muṭī‘ī, al-Syeikh Muḥammad Mukhtār al-Sālāmī, Profesor Aḥmad Hajjī al-Kurdī, Profesor Muḥammad bin Abd. Ghaffār al-Shārif<sup>38</sup>.

---

<sup>37</sup> Muhammad Amīn Ibn ‘Ābidīn atau dikenali dengan Ibn ‘Ābidīn merupakan ulama daripada Mazhab Hanafi. Beliau dilahirkan di Syria pada tahun 1784 dan merupakan antara *fāqih* yang banyak mengeluarkan hukum berkaitan *mu‘āmalāt* Islam. Lihat juga Muhammad Anwar, “Muhammad Anwar, “Comparative Study Of Insurance and Takafol (Islamic Insurance),” *The Pakistan Development Review* 33, no. 2 (1994): 1315–1330.; al-Şādiq Muḥammad Amīn al-Ḍarīr, “Al-Ta’mīn Taqwīm al-Masīrah al-Nadhriyah Wa Al-Tatbiqiyah,” in *Al-Mu’tamar al-’Ālami al-Thālith Li al-Iktisād al-Islāmī* (Umm Qura, Makkah, 2003).

<sup>38</sup> ‘Alī bin Muḥammad bin Muḥammad Nūr, Alī bin Muḥammad bin Muḥammad Nūr, *Al-Ta’mīn Al-Takāfulī Min Khilāl Al-Waqf*. (Riyadh: Dar al-Tadmuriyah, 2012).78

**Dalil pertama:** Mereka berpendapat asuransi tersebut mempunyai unsur *al-gharar* dan *al-jahalalah*, dan kerusakan pada akad. Pendapat ini disandarkan kepada dalil seperti berikut<sup>39</sup>:-

نهى رسول الله عن بيع الحصة وعن بيع الغرر

Maksudnya: *Rasulullah melarang jual beli yang terdapat unsur gharar.*

**Dalil kedua:** Asuransi konvensional terdapat unsur judi dan *qimar*, Allah S.W.T berfirman:-

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْحَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ  
مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَأَجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang Yang beriman, Bahawa Sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib Dengan batang-batang anak panah, adalah (Semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.*

Surah al-Maidah (5) : 90

**Dalil ketiga:** Asuransi konvensional menjadi haram kerana terdapat unsur riba sama ada riba al-nasi'ah atau riba al-fadhl<sup>40</sup>.

**Dalil keempat:** Dalam asuransi konvensional juga terdapat unsur memakan harta secara batil. Perkara ini terjadi disebabkan oleh akad dalam asuransi konvensional itu merupakan akad al-Muawadhah. sendiri. Allah S.W.T berfirman:-

<sup>39</sup> Hadith yang dikeluarkan dari Şāḥih Muṣlīm, Kitāb al-Buyū': No Hadith 1513

<sup>40</sup> Ibid.79; Samir al-Syā'ir, *al-Maṣārif al-Islāmiyah Min al-Fikrati Ila al-Ijtihād* (Beirut: Arab Scientific Publisher, Inc., 2011).39-40.

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا  
 أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ  
 كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang Yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu Dengan jalan Yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali Dengan jalan perniagaan Yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.

Surah al-Nisā' (4) : 29

## 2. Golongan Mengharamkan Insurans Komersil dan Mengharuskan Insurans Berasaskan Tolong Menolong (Takaful)

Pendapat ini merupakan pendapat jumhur di kalangan para ulama pada waktu ini. Antara ulama yang memegang pendapat ini termasuklah al-Syeikh Ḥusīn Ḥāmid Ḥasan dan al-Duktur 'Alī al-Qurrah al-Dāghī manakala organisasi terlibat adalah seperti berikut:-

1. Majlis Kesatuan Ulama Besar yang bermesyuarat pada 4.4.1397 H di Saudi Arabia memutuskan insurans jenis perniagaan adalah haram.
2. Majma' al-Fiqhī al-Islāmī li-Rābiṭah 'Ālam al-Islāmī yang bersidang juga memutuskan insurans konvensional jenis perniagaan adalah haram<sup>41</sup>.
3. Majma' al-Fiqhī al-Islāmī al-Dualī<sup>42</sup> (Kesatuan Ulama Fiqh Sedunia) memutuskan insurans berkaitan perniagaan adalah haram.

<sup>41</sup> Majma' al-Fiqhī al-Islāmī, "al-Fatāwa al-Mu'āmalāt," dilihat pada 16 April, 2014, <http://www.themwl.org/Fatwa/default.aspx?ct=1&cid=10&l=AR>.

<sup>42</sup> www.fiqhacademy.org.sa, "al-Ta'mīn Wa I'ādātu al-Ta'mīn," dilihat pada 16 April, 2014, <http://www.fiqhacademy.org.sa/qrarat/2-9.htm>.

Golongan kedua ini mengharamkan asuransi konvensional jenis perniagaan disebabkan terdapat unsur yang disepakati iaitu *gharar*, riba, judi, dan memakan harta manusia dengan cara salah. Tetapi mereka memberi alternatif dengan memfatwakan asuransi takaful atau asuransi jenis *al-ta'awun* adalah harus kerana didirikan atas dasar *tabarru'* dan juga *ta'awun*<sup>43</sup>.

### 3. Golongan Mengharuskan Asuransi Jenis Perniagaan dan Takaful.

Pendapat golongan ketiga adalah pendapat yang mengharuskan kedua-duanya iaitu asuransi konvensional yang berasaskan jual beli dan juga takaful yang berasaskan *tabarru'* dan *ta'awun*. Mereka terdiri dari al-Syeikh 'Ali Khaffif, al-Syeikh Muṣṭāfa al-Zarqā, al-Syeikh 'Abdullah bin Zaid Āli Maḥmūd dan al-Syeikh 'Abdullah bin Manī<sup>44</sup>. Mereka berpendapat asal jual beli adalah harus sekiranya kedua-dua pembeli dan penjual saling meredhai maka jual beli itu adalah harus kecuali terdapat perkara yang dilarang di dalamnya. Selain itu golongan ini mengambil pendapat berkaitan hadis kabilah *Asy'ariyyīn* yang diriwayatkan oleh Abū Mūsa al-Asy'ārī iaitu berkaitan apabila kehabisan makanan dalam peperangan mereka akan menghimpunkan makanan di dalam satu kain, kemudian mereka akan membahagi-bahagikan antara mereka, Rasulullah S.A.W bersabda: “mereka sebahagian dariku dan aku sebahagian dari mereka”. matan hadis adalah seperti berikut<sup>45</sup>:-

---

<sup>43</sup> 'Alī bin Muḥammad bin Muḥammad Nūr, *al-Ta'mīn al-Takāfulī Min Khilāl al-Waqf*.71

<sup>44</sup> Ibid.76

<sup>45</sup> al-Imām Abī 'Abdillah Muḥammad bin Ismā'il bin Ibrāhīm al-Bukhārī, *Ṣaḥīh al-Bukhārī* Jil.1, ed. Muḥammad 'Abdul Qādir Aḥmad 'Aṭā (Kaherah: Dar al-Taḥqwa, 2001).599.( Kitāb al-Syarikah, Bab Mā Kāna Min Khalīṭain Fainnahumā Yatarāja'āni Bainahumā Bissawiyah Fī al-Ṣadaqah, no. hadith 2306)



عن أبي موسى قال: قال النبي (صلى) إن الأشعريين إذا أرموا في الغزو، أو قل طعام عيالهم بالمدينة، جمعوا ما كان عندهم في ثوب واحد، ثم اقتسموا بينهم في إناء واحد بالسوية، فهم مني وأنا منهم

Berikutan fatwa-fatwa yang disebutkan di atas, maka pada 15 Jun 1972 Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia dalam persidangan kelima telah memutuskan bahawa insurans nyawa sebagaimana yang dijalankan oleh syarikat insurans adalah suatu muamalat yang fasid dan tidak sesuai dengan prinsip-prinsip Islam khususnya dari segi akad kerana mengandungi unsur-unsur *gharar*, judi dan juga riba<sup>46</sup>. Sebelum daripada fatwa ini dikeluarkan, Jawatankuasa Fatwa telah bersidang pada 1-2 Oktober 1970 di Masjid Negara, Kuala Lumpur dan telah memutuskan bahawa insurans am iaitu selain daripada insurans hayat adalah harus<sup>47</sup>. Keharusan insurans am ini tidak lama apabila Jawatankuasa Fatwa sekali lagi mengeluarkan fatwa terbaharu iaitu pada tahun 2008 memutuskan bahawa hukum ke atas insurans am adalah tidak diharuskan oleh Islam<sup>48</sup>.

### **3.7.1 PEMBAYARAN ZAKAT TAKAFUL MENGIKUT KALENDAR HIJRI ATAU GREGORY**

Zakat seperti mana yang kita maklumi, merupakan rukun Islam yang ketiga selepas solat. Kewajipan berzakat difardhukan kepada seluruh umat Islam. Bagi sesebuah sektor korporat yang menguruskan perniagaan berbilion ringgit, mereka

---

<sup>46</sup> Menurut Wan Marhaini Wan Ahmad et.al, fatwa ini diputuskan di dalam minit mesyuarat jawatankuasa fatwa yang bersidang di Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Lihat Wan Marhaini Wan Ahmad et al, "Riba Dan Gharar Dalam Insurans: Satu Analisis Fiqh," *Jurnal Fiqh*: 2 (2005): 97-118, [http://umrefjournal.um.edu.my/filebank/published\\_article/3959/Riba\\_dan\\_Gharar\\_dalam\\_Insurans.pdf](http://umrefjournal.um.edu.my/filebank/published_article/3959/Riba_dan_Gharar_dalam_Insurans.pdf); Lihat juga IBFIM, *Asas Takaful Buku Panduan*.49

<sup>47</sup>Wan Marhaini Wan Ahmad et.al, "Riba Dan Gharar Dalam Insurans: Satu Analisis Fiqh."97-118

<sup>48</sup> e-fatwa JAKIM, "Kajian Hukum Insurans Am," dilihat pada 16 April, 2014, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/kajian-hukum-insurans-am>.

juga tidak terlepas daripada membayar zakat. Hal ini kerana kefardhuan berzakat boleh membantu masyarakat yang sangat-sangat memerlukan terutama golongan fakir dan miskin dan sterusnya mengurangkan jurang diantara golongan miskin dan kaya<sup>49</sup>. Menurut Dr Mohamad Akram Laldin<sup>50</sup>, menjadi tanggungjawab kepada semua syarikat takaful untuk mengeluarkan zakat sekiranya syarikat tersebut bukan milik kerajaan dan mempunyai lebih harta yang mencukupi *nisab* zakat. Beliau mengambil fatwa yang dikeluarkan oleh Bank Faisal al-Islam Sudan, iaitu segala bentuk rizab dalam perniagaan takaful dikenakan zakat padanya<sup>51</sup>. Oleh itu, Perbahasan ini akan mengupas secara langsung berkenaan hukum berzakat mengikut *haul* dan *nisab* yang sabit dengan *al-quran* dan *al-sunnah* dan pandangan *‘ulama*. Adakah ianya mengikut kalendar Hijri atau mengikut kalendar Gregory?.

### 3.7.2 PERBAHASAN ULAMA

*Jumhūr Fuqahā’* tidak berselisih pendapat dalam pengamalan menggunakan kalendar Hijri dalam urusan pembayaran zakat. Mereka berpendapat perkataan *haul* adalah merujuk kepada penentuan awal melihat anak bulan iaitu sabit dengan bulan Hijri bukannya bulan Masihi yang digunakan sekarang<sup>52</sup>. Mereka berhujah dengan dalil al-Quran seperti firman Allah SWT:-

﴿ يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلِ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجِّ ﴾ . . . . .

<sup>49</sup> Magda Ismail Abdel Mohsin, “The Practice of Islamic Banking in Sudan,” *Journal of Economic Cooperation* 26, no. 1 (2005): 27–50.

<sup>50</sup> Mohamad Akram Laldin, “No Title,” accessed 30 Jun, 2011, <http://www.isra.my/media-centre/downloads/finish/3-takaful/46-takaful-dan-takaful-semula--perbincangan-beberapa-isu-dan-fatwa-pilihan/0.html>.

<sup>51</sup> Ibid.

<sup>52</sup> Nawāz Maḥmūd Qāsim Al-Syeikh, “al-Qawānīn al-Zamāniyah Wa al-Makāniyah Li Daf‘i al-Zakāh Fi al-Waqt al-Mu‘āšir,” *Majallāt Al-Iqtisād Al-Islāmī* 19, no. 1 (2006): 3–34.

Bermaksud: “Mereka bertanya tentang anak bulan, Katakanlah pada mereka ia adalah untuk menentukan waktu-waktu kepada manusia dan musim haji”

Surah al-Baqarah (2):189

Dan

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ  
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ ..... ﴿١٢٥﴾

Bermaksud: “Sesungguhnya bilangan bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam kitab Allah semasa Ia menciptakan langit dan bumi”

Surah al-Taubah (9):36

Kedua-dua ayat ini menunjukkan kepada kita bahawasanya Allah SWT telah mensyariatkan penggunaan kalendar Hijri kepada sekalian manusia dalam semua urusan agama termasuk ibadat dan muamalat. Hal ini kerana tiada hadis daripada baginda Nabi SAW yang membenarkan menggunakannya selain daripada bulan Hijri. Menggunakan selain daripada bulan hijri adalah tidak harus dalam urusan agama<sup>53</sup>.

Imam al-Qurṭūbi<sup>54</sup> berkata: “Ayat ini lebih-lebih lagi ayat yang kedua menunjukkan kepada kita bahawasanya wajib mengaitkan hukum termasuk ibadat

---

<sup>53</sup> Ibid.

<sup>54</sup> Ibid.

dan selainnya menggunakan kalendar dengan bulan dan tahun yang dikenali oleh orang Arab, bukannya bulan-bulan yang diiktiraf oleh ‘*ajam*<sup>55</sup>”

Imam al-Shāfi‘ī<sup>56</sup> berkata: “Sesuatu pemberian itu mempunyai faedahnya sendiri, tetapi ia sesekali tidak dikira zakat sekiranya tidak sampai satu haul”

Beliau berkata lagi “Aku sangat suka sekiranya sesuatu pemberian zakat itu diberi pada bulan Muharam”<sup>57</sup> Pada lafaz dan bab yang lain beliau menyebut bulan “Muharam, Safar, Rabiulawal, dan Rejab”<sup>58</sup> Hal ini menggambarkan pada zaman beliau telah digunakan kalendar hijri ini secara meluas termasuk dalam semua urusan hukum.

Imam al-Shāfi‘ī menyandarkan penggunaan kalendar Hijri dengan Hadis Nabi SAW seperti berikut: -

ليس في مال زكاة حتى يحول عليه الحول

Bermaksud: “Tidak dikira sesuatu harta zakat sekiranya tidak sampai haul”

---

<sup>55</sup> Perkataan ‘*ajam* ialah merujuk kepada bangsa selain daripada orang arab. Lihat Muhd Idris ‘abd Rauf Al-Marbawi, *Qamus Al-Marbawi ‘Arabi - Malayu*, Juz2 ed. (Mesir: Muṣṭāfa al-Bābi al-Halabi, 1350H).2

<sup>56</sup> Rif‘āt Faurī ‘Abdul Muṭallib, *Al-'Umm Li Al-Imām Muḥammad Idris as-Shaf'i*, 1st ed. (Manṣūrah: Dār al-Wafā’, 2001).34

<sup>57</sup> Ibid.34

<sup>58</sup> Ibid.29

Haul yang disebut dalam hadis ini membawa maksud genap setahun Hijri (*Qamari*) kerana bulan ini telah dikenali dalam sebutan orang-orang arab atau disebut *lisān al-‘arab* (Menjadi dialek percakapan orang Arab)<sup>59</sup>

Secara jelasnya *Jumhūr Fuqahā’* daripada kalangan Mazhab Hanafiah, *Shāfi‘īyah* dan *Hanābilah* mengatakan haul yang muktamad di sini merujuk kepada bulan Hijri (*Qamari*) bukannya Gregory (*Syamsi*) bersandarkan dalil dengan dua ayat al-Quran yang dibawa sebelum ini.

Bagi Mazhab *Mālikiyah* pula, mereka berpendapat sekiranya seseorang mengeluarkan zakat ternakan sendiri, maka haulnya ialah seperti yang disebut oleh *jumhur* iaitu mengikut kalendar Hijri. Sekiranya seseorang *‘āmil* membawa zakat tersebut, maka haul yang difahami di sini ialah suria (*syamsi*)<sup>60</sup> bukan Hijri (*qamari*). Ketika itu *‘āmil* akan mengambilnya pada setiap tahun. Pada waktu terbit suria yang berlaku pada waktu pagi. Selalunya ianya berlaku pada pertengahan bulan Mei sebelum masuk musim panas<sup>61</sup>.

### **3.7.3 HUKUM PENGGUNAAN KALENDAR HIJRI BERSANDARKAN DALIL ZAKAT**

Seperti mana dalil yang dibawa sebelum ini, jelaslah kepada kita bahawasanya penggunaan kalendar Hijri adalah diiktiraf *jumhur*. Hal ini kerana

---

<sup>59</sup> Al-Syeikh, “al-Qawānīn al-Zamāniyah Wa al-Makāniyah Li Daf‘i al-Zakāh Fi al-Waqtī al-Mu‘āṣir.”.11

<sup>60</sup> Perlu difahami *Syamsi* yang dimaksudkan di sini bukanlah merujuk kepada matahari. Tetapi merujuk kepada bintang yang berada pada buruj Taurus. Terbitnya kadang-kadang pada waktu terbenam matahari, kadang-kadang pada waktu sepertiga malam dan kadang-kadang pada waktu fajar. Hal ini kerana masyarakat arab kuno menggunakan bintang dalam perkiraan kalendar awal mereka.

<sup>61</sup> Ibid.29

penggunaan kalendar ini bermula pada zaman khulafa al-Rasyidin iaitu Saidina Umar al-Khattab dan adalah selari dengan apa yang disebut oleh Rasulullah SAW di dalam hadisnya melalui riwayat al-ʿIrbaḍh bin Sāriyah R.A<sup>62</sup>:

أوصيكم بتقوى الله و السمع و الطاعة , و إن تأمر عليكم عبد، فإنه من يعيش منكم فسيرى اختلافا كثيرا , فعليكم بسنتي وسنة الخلفاء الراشدين المهديين عضوا عليها بالنواجذ ، وإياكم و محدثات الأمور، فإن كل محدثة بدعة وكل بدعة ضلالة ، وكل ضلالة في النار

Bermaksud: “*Aku berwasiat kepada kamu semua supaya bertakwa kepada Allah, mendengar dan taat walaupun yang memimpin kamu adalah dari kalangan hamba, kerana sesungguhnya siapa diantara kamu yang hidup sesudahku maka dia akan melihat perselisihan yang banyak, maka berpegang teguhlah dengan sunnahku dan sunnah para khulafa al-Rasyidin yang diberi petunjuk sesudahku, peganglah sebaik-baiknya dan komitedlah terhadapnya. Jauhilah perkara baharu dalam agama kerana setiap perkara baharu itu adalah sesat, dan setiap kesesatan itu tempatnya ialah neraka*”

Hadis ini diriwayatkan oleh Abū Dāwūd dan al-Tirmīdhī dan Ibn Mājah.

Imām al-Tirmīdhī meletakkannya pada martabat ḥasan ṣaḥīḥ<sup>63</sup>.

Saidina Umar al-Khattab telah membangunkan kalendar Hijri pada dasarnya. Hal ini telah dijelaskan dalam bab dua yang lepas. Merujuk kepada hadis di atas, dapatlah difahami bahawa Saidina Umar al-Khattab adalah daripada kalangan khulafa al-Rasyidin dan beliau telah melakukan sunnah baharu dalam kalendar Hijri

---

<sup>62</sup> Yahyā bin Sharaf ad-Din an-Nawāwī, *Syarah Matan Al-Arba ʿin an-Nawāwiah Fī al-Aḥādith an-Nabawiyah* (Madinah Nasr: Maktab al-Qāhirah, Wafat 676H).139. no Hadith 28.

<sup>63</sup> Dr Yūsuf al-Qarāḍhawī dalam membincangkan hukum berkaitan zakat juga memberikan hadis ini dalam makalahnya. Beliau menghuraikan hukum berkaitan zakat dengan meletakkan amalan khulafa ar-Rashidin dalam Nas yang dikemukakan olehnya. Hal ini boleh dirujuk Yūsuf al-Qarāḍhawī, “No Title,” 1 Disember 2011., <http://www.qaradawi.net/library/49/2078.html>.

atau dalam kalendar Islam itu sendiri. Selayaknya kita sebagai seorang muslim menggunakan kalendar Hijri sepenuhnya merujuk kepada dalil yang diberikan.

Pengkaji mengambil dalil ini kerana kalendar yang digunakan dalam urusan muamalat sekarang adalah berlandaskan Gregory yang mana ianya tidak mengikut amalan yang ditetapkan syarie mengikut nas al-Quran dan nas al-Hadis yang dibawa sebelum ini. Amalan sekarang adalah dengan mengikut kalendar Gregory yang telah diketahui terdapat perbezaan hari yang banyak dalam setahun dan boleh menjadi lebih banyak jika diunjurkan kepada tahun-tahun akan datang.

### **3.8 LATARBELAKANG SYARIKAT TAKAFUL IKHLAS SDN. BHD. (TISB)**

Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) diperbadankan pada 18 September 2002 dan merupakan anak syarikat milik penuh MNRB Holding Berhad<sup>64</sup>. Memulakan operasi dengan modal berbayar sebanyak RM51 juta dan ditambah RM49 juta lagi pada tahun 2004 menjadikan Takaful Ikhlas Sdn.Bhd benar-benar berdaya maju untuk bersaing dengan pengendali-pengendali takaful lain<sup>65</sup>. Pertambahan modal sebanyak RM100 juta ini adalah bagi memenuhi keperluan modal Bank Negara Malaysia (BNM) selaras dengan matlamat Pelan Induk Sektor Kewangan untuk mengukuhkan kapasiti kewangan pengendali-pengendali takaful<sup>66</sup>.

Selepas dirasmikan oleh Menteri Luar pada ketika itu, iaitu Datuk Seri Syed Hamid Albar di Pusat Ekspo Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), di Putrajaya pada

---

<sup>64</sup> Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., "Profil Korporat," accessed February 15, 2012, <http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/profilKorporat/profilKorporat.asp>.

<sup>65</sup> "No Title," *Utusan Malaysia*, 25 Disember, 2004.

<sup>66</sup> Ibid.

14 Oktober 2003<sup>67</sup>, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) terus mengorak langkah di bawah kepimpinan Ketua Pegawai Eksekutif-nya iaitu Datuk Syed Moheeb bin Syed Kamarulzaman sehingga sekarang. Di bawah kepimpinan beliau selama sembilan tahun, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. dilihat telah membawa suatu jenama yang unggul dan dipercayai oleh segenap lapisan masyarakat. Hingga kini lebih 1.8 juta individu dan syarikat telah meletakkan kepercayaan mereka kepada syarikat dengan menjadi pemegang sijil yang sah<sup>68</sup>.

Memulakan operasi di bangunan MNRB Holding di Damansara Heights, berpindah ke Wisma Ikhlas Seksyen 14, Petaling Jaya, sehinggalah mempunyai bangunan sendiri di Bangsar South sekarang. Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) dilihat terus maju ke hadapan dengan menawarkan pelbagai produk termasuk Pelan Takaful Keluarga, Berkelompok dan Am serta Rider untuk individu dan usahaniaga komersial dibantu oleh saluran pengedaran perkhidmatan terdiri lebih dari 7000 orang ejen, broker, institusi kewangan, pemegang francais kenderaan bermotor, koperasi dan organisasi-organisasi Islam yang lain.

Operasi Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) dalam segmen Takaful Am telah menggunakan teknologi komputer sepenuhnya bermula awal operasi sehingga kini. Teknologi ini berupaya menyambung dan menyatupadukan sistem komputer Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dengan sistem *flas*<sup>69</sup> Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. menggunakan *e-cover note* dalam satu-satu masa urusan takaful motor. Di samping itu, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) juga mempunyai satu Sistem Anggaran

---

<sup>67</sup> "No Title," *Berita Harian*, 15 Oktober, 2003.

<sup>68</sup> Takaful Ikhlas Sdn.Bhd, "No Title," dilihat pada 15 Februari, 2012, <http://www.takafulikhlas.com.my/malay/profilKorporat/profilKorporat.asp>.

<sup>69</sup> Sistem *flas* adalah sistem pengunderaitan takaful motor yang digunakan oleh semua ejen Takaful Ikhlas yang berdaftar.



Tuntutan Elektronik yang berupaya mempercepat proses penilaian bagi tuntutan kenderaan bermotor apabila berlaku sebarang kemalangan. Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) juga merupakan perintis dalam memperkenalkan pembelian Takaful motor untuk pembelian baharu serta pembaharuan yang digelar *e-IKHLAS*<sup>70</sup>.

Disebabkan Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) mempunyai matlamat yang jelas iaitu untuk menjadikan sebuah syarikat penyedia perkhidmatan perlindungan kewangan Islam pilihan, maka mereka dilihat sedaya upaya memenuhi matlamat tersebut dengan pelbagai usaha agar matlamat tersebut tercapai.

### **3.8.1 VISI DAN MISI**

Dalam menjalankan perniagaan perlindungan ini, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) Telah meletakkan visi terpenting dengan berazam menjadi penyedia Takaful pilihan yang berteraskan kepada prinsip-prinsip Islam. Manakala menjadikan penyedia penyelesaian kewangan Islam bernilai tambah yang berintegriti sebagai misi syarikat dalam mendepani cabaran yang bakal terlaksana<sup>71</sup>. Syarikat berupaya untuk mencapai visi dan misi ini dengan melaksanakan nilai teras yang disebut *IQRA* iaitu<sup>72</sup>:-

- i) Nilai Ikhlas (Fatanah, Amanah, Siddiq, Tabligh)
- ii) Kualiti (Warga, Sistem, Strategi, Jualan)
- iii) Dipacu Hasil (Jiwa dan Semangat)
- iv) Sikap (Penetapan Minda yang Betul)

---

<sup>70</sup> Ibid.

<sup>71</sup> Ibid.

<sup>72</sup> Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., "Nilai Teras," dilihat pada 15 Februari, 2014, [http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/pelanggan/nilai\\_teras.asp](http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/pelanggan/nilai_teras.asp).

Semua nilai teras *IQRA* ini dipacu dengan melakukan proses peningkatan berterusan yang menyatukan Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) dalam komitmennya ke arah budaya kualiti melalui proses kepimpinan yang memberi inspirasi, kerja berkumpulan, profesional dan penerapan nilai Islam<sup>73</sup>.

### **3.8.2 MODEL PENGENDALIAN OPERASI TAKAFUL AM DI TAKAFUL IKHLAS SDN. BHD.(TISB)**

Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) telah memilih model wakalah dalam operasi Takaful mereka. Melalui model ini pengendali takaful akan dilantik sebagai wakil oleh peserta<sup>74</sup>. Pengendali takaful akan menjalankan tanggungjawab dengan menyumbang segala kepakarannya untuk memastikan segala tugas yang diwakilkan kepadanya dilaksanakan dengan sempurna<sup>75</sup>. Kedua-dua pihak yang berkontrak iaitu pengendali takaful dan peserta terikat untuk di antara satu sama lain untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut, pihak yang berkontrak mestilah memenuhi perjanjian yang dibuat dalam kontrak yang diberikan kepada peserta sekiranya peserta berpuas hati untuk menyertai skim yang ditawarkan. Dalam model operasi Takaful Am di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) seperti yang ditunjukkan dalam gambarajah di bawah ini, didapati Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) merupakan antara syarikat Takaful pertama yang melaksanakan model tersebut. Model ini merupakan modifikasi model mudarabah penuh (*pure mudharabah*) yang dijalankan oleh Takaful Malaysia Berhad dan juga modifikasi model mudarabah daripada Takaful Nasional Sdn. Bhd yang sekarang ini dikenali sebagai Etiqa Takaful Berhad.

---


<sup>73</sup> Ibid.

<sup>74</sup> IBFIM, *Buku Panduan Asas Takaful*.30

<sup>75</sup> Ibid.

Dalam model wakalah takaful am di Syarikat Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) seperti yang diterangkan dalam gambarajah di bawah ini, didapati wang peserta yang disumbangkan kepada Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) akan dimasukkan ke dalam akaun risiko pelaburan am (GRIA). Selepas syarikat mengenakan yuran wakalah, wang tersebut akan dimasukkan ke dalam tabung *ta'āwun* (TAP) dan sebahagian lagi akan dilaburkan. Lebihan atau *surplus* jika ada akan diberikan kembali kepada peserta.

Rajah 3.1: Model *al-Wakālah* Takaful (Am)



Sumber : Ubahsuai dari Jabatan Pematuhan Syariah Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB)

Menurut Datuk Syed Moheeb bin Syed Kamarulzaman<sup>76</sup>, 25% daripada jumlah sumbangan takaful motor akan dikenakan yuran wakalah, manakala selebihnya akan dimasukkan ke dalam tabung *ta'āwun* dan digunakan untuk menolong peserta lain yang mengalami musibah. Baki daripada akaun pelaburan

<sup>76</sup> Syed Moheeb Syed Kamarulzaman, "No Title," in *Takaful, The Shariah Compliant Insurance* (Tatarstan, 2008), 42.

risiko akan dilaburkan dan sekiranya ada keuntungan akan dimasukkan kembali ke dalam akaun risiko peserta (GRIA).

Pihak takaful juga akan mengenakan caj pengurusan 50% daripada lebihan kasar (*surplus*) dari dana risiko pada setiap akhir tahun. Walau bagaimanapun pihak syarikat boleh mengikut budi bicara mengenakan caj kurang dari 50% tersebut<sup>77</sup>.

Selain itu, pihak syarikat juga berhak untuk menolak 30% daripada yuran prestasi pelaburan, jika ada. Syarikat juga berhak atas budi bicara mengenakan caj kurang daripada 30 % tersebut<sup>78</sup>.

### **3.8.3 PERLAKSANAAN TAKAFUL MOTOR DI TAKAFUL IKHLAS SDN. BHD.(TISB)**

Takaful Motor di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) dilaksanakan di bawah kendalian segmen takaful am. Bermakna di bawah payung takaful am ini terdapat pelbagai cabang produk dan operasi berkaitan dengan takaful dilaksanakan. Terdapat dua kategori di bawah segmen ini iaitu meliputi takaful motor dan takaful bukan motor<sup>79</sup>. Dalam segmen takaful bukan motor terdapat banyak produk yang dikeluarkan oleh syarikat yang mana jarak masa penyertaannya adalah bergantung kepada hari yang dikehendaki oleh peserta dan juga hari yang telah ditetapkan oleh syarikat dalam jangkamasa setahun Gregory iaitu bersamaan 365 atau 366 hari.

---

<sup>77</sup> Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., *Perjanjian Nota Lindung*, 2014.

<sup>78</sup> Ibid.

<sup>79</sup> Mohd Fauzi Yaakob, (Eksekutif General Non Motor Underwriting), dalam temubual pada 23.11.2011.

Antara produk bukan motor yang mengikut jumlah hari yang ditetapkan oleh syarikat mengikut piawaian kalendar Gregory ialah<sup>80</sup>:-

Jadual 3.6: Produk-Produk Bukan Motor Takaful Ikhlas Sdn. Bhd

<b>Bil.</b>	<b>Nama Produk</b>	<b>Jumlah hari Gregory</b>
1	Ikhlas Fire takaful	365/366 hari
2	Ikhlas Houseowner/Householder Takaful	365/366 hari
3	Ikhlas Personal Accident Takaful	365/366 hari
4	Ikhlas Perdan P.A Takaful	365/366 hari
5	Ikhlas Kembara Takaful	Pilihan hari kepada peserta
6	Ikhlas Public Liability	Pilihan hari kepada peserta
7	Ikhlas Burglary Plan	365/366 hari
8	Ikhlas Money Takaful	Pilihan hari kepada peserta
9	Ikhlas Fidelity Guarantee (Jaminan Kesetiaan)	365/366 hari
10	Ikhlas Comprehensive Perils Takaful	365/366 hari
11	Ikhlas Mobile Equipment Takaful	365/366 hari
12	Ikhlas Electronic Equipment Takaful	365/366 hari
13	Ikhlas Plate Glass Takaful	365/366 hari
14	Ikhlas Contractors All Risks Takaful	Pilihan hari kepada peserta
15	Ikhlas Workmen Compensation Takaful	Pilihan hari kepada peserta
16	Ikhlas Employers Liability	365/366 hari
17	Ikhlas Niaga Takaful	365/366 hari
18	Ikhlas Machinery Breakdown Takaful	365/366 hari
19	Ikhlas Marine Cargo Takaful	365/366 hari
20	Ikhlas Boiler and Pressure Vessel Takaful	365/366 hari
21	Skim Perlindungan Pekerja Asing	365/366 hari
22	Ikhlas Erection All Risks	Pilihan hari kepada peserta

Sumber : <http://www.takaful-ikhlas.com.my>

Manakala bagi Produk Takaful Motor pula, terdapat beberapa produk yang dilaksanakan di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. Mengikut bilangan hari yang telah ditetapkan oleh syarikat. Antara Produk tersebut ialah:-

<sup>80</sup> Ibid.

Jadual 3.7: Produk-Produk Takaful Motor Takaful Ikhlas Sdn. Bhd

<b>Bil.</b>	<b>Nama Produk</b>	<b>Jumlah hari Gregory</b>
<b>1</b>	Ikhlas Motor Takaful	365/366 hari
<b>2</b>	Ikhlas Motorist PA Takaful	365/366 hari
<b>3</b>	Car Replacement Program	365/366 hari
<b>4</b>	Ikhlas Big Bike Takaful	365/366 hari

Sumber: <http://www.takaful-ikhlas.com.my>

Berdasarkan pemerhatian dan temubual pengkaji, didapati kebanyakan produk dari segmen takaful am diberikan kepada peserta takaful berdasarkan pengiraan kalendar Gregory. Tetapi pengkaji juga diberitahu bahawa peserta takaful boleh melanggan produk-produk tersebut daripada wakil takaful yang sah bergantung kepada jumlah hari yang diperlukan bergantung kepada produk yang dinyatakan di dalam jadual di atas. Bagi produk takaful motor pula, peserta takaful boleh melanggan kepada syarikat kurang dari 365/366 hari tetapi tidak akan mendapat nilai diskaun tanpa tuntutan (NCD). Jumlah bayaran akan berkurang kerana kiraan dibuat berdasarkan kepada jumlah hari yang dikehendaki<sup>81</sup>. Sekiranya peserta inginkan 354 hari seperti bilangan kalendar Hijri, maka sumbangan yang diperlukan untuk dibayar kepada Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) adalah bergantung kepada jumlah hari yang dikira tersebut.

#### **3.8.4 PENGENDALIAN OPERASI DI TAKAFUL IKHLAS SDN. BHD.(TISB)**

Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) dikendalikan mengikut pengiraan kalendar Gregory. Operasi syarikat bermula pada 23hb Mac setiap tahun dan berakhir pada 22 Mac pada tahun berikutnya. Dalam kata lain ia mengambil masa selama 365 hari dalam tahun biasa dan 366 hari dalam tahun lompat. Operasi ini dijalankan dengan

<sup>81</sup> Ibid.

mengendalikan semua urusan penting yang membabitkan syarikat dan produk berdasarkan kiraan hari dalam sistem kalendar Gregory. Hal ini adalah kerana sistem kalendar ini telah diterima pakai di peringkat antarabangsa<sup>82</sup> membabitkan semua negara yang terlibat dengan sistem kewangan sama ada Islam dan juga konvensional.

Bagi Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) misalnya mengendalikan semua operasi akaun yang membabitkan bayaran kepada wakil takaful dan peserta dikendalikan mengikut kalendar Gregory. Merujuk kepada penyata kewangan yang telah diaudit<sup>83</sup> dari tahun 2003 - tahun 2013 didapati semua urusan kewangan syarikat dikendalikan mengikut kiraan kalendar Gregory. Bagi komisen yang diberikan kepada wakil takaful pula, bayaran dibuat berpandukan kalendar Gregory dan diberikan pada tarikh seperti berikut<sup>84</sup> :-

---

<sup>82</sup> Walaupun sistem kalendar Gregory diterima pakai di peringkat internasional, tetapi masih terdapat badan bertanggungjawab yang menyelia kewangan di peringkat antarabangsa menggunakan kalendar Hijri dalam urusan operasi mereka. Rujuk [www.isdb.org](http://www.isdb.org), "Islamic Development Bank," dilihat pada 15 Ogos, 2011.

<sup>83</sup> Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., "Penyata Kewangan," dilihat pada 20 April, 2014, [http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/profilKorporat/penyata\\_kewangan.asp](http://www.takaful-ikhlas.com.my/malay/profilKorporat/penyata_kewangan.asp).

<sup>84</sup> Portal Financial Link, "Financial Link," dilihat pada 3 April, 2012, <https://w7.financial-link.com.my/Agency/AgentLogon.jsp>.

Jadual 3.8: Jadual Pembayaran Komisen Melalui Autokredit

Bulan/Tahun	Tempoh operasi	Tarikh komisen dikreditkan
Januari 2012	01/01/2012 - 15/01/2012	22-Jan-2012
	16/01/2012 - 31/01/2012	08-Feb-2012
Februari 2012	01/02/2012 - 15/02/2012	22-Feb-2012
	16/02/2012 - 29/02/2012	08-Mar-2012
Mac 2012	01/03/2012 - 15/03/2012	22-Mar-2012
	16/03/2012 - 31/03/2012	08-Apr-2012
April 2012	01/04/2012 - 15/04/2012	22-Apr-2012
	16/04/2012 - 30/04/2012	08-May-2012
Mei 2012	01/05/2012 - 15/05/2012	22-May-2012
	16/05/2012 - 31/05/2012	08-Jun-2012
Jun 2012	01/06/2012 - 15/06/2012	22-Jun-2012
	16/06/2012 - 30/06/2012	08-Jul-2012
Julai 2012	01/07/2012 - 15/07/2012	22-Jul-2012
	16/07/2012 - 31/07/2012	08-Aug-2012
Ogos 2012	01/08/2012 - 12/08/2012	17-Aug-2012
	13/08/2012 - 31/08/2012	08-Sep-2012
September 2012	01/09/2012 - 15/09/2012	22-Sep-2012
	16/09/2012 - 30/09/2012	08-Oct-2012
Oktober 2012	01/10/2012 - 15/10/2012	22-Oct-2012
	16/10/2012 - 31/10/2012	08-Nov-2012
November 2012	01/11/2012 - 15/11/2012	22-Nov-2012
	16/11/2012 - 30/11/2012	08-Dec-2012
Disember 2012	01/12/2012 - 15/12/2012	22-Dec-2012
	16/12/2012 - 31/12/2012	08-Jan-2013
<b>Total</b>	<b>365 hari</b>	

Sumber: <https://w7.financial-link.com.my/Agency/AgentLogon.jsp>



Jadual 3.9: Jadual Pembayaran Komisen Melalui Cek

<b>Bulan/Tahun</b>	<b>Tempoh operasi</b>	<b>Tarikh Cek dikeluarkan</b>
Januari 2012	01/01/2012 - 31/01/2012	15/02/2012
Februari 2012	01/02/2012 - 29/02/2012	15/03/2012
Mac 2012	01/03/2012 - 31/03/2012	13/04/2012
April 2012	01/04/2012 - 30/04/2012	15/05/2012
Mei 2012	01/05/2012 - 31/05/2012	15/06/2012
Jun 2012	01/06/2012 - 30/06/2012	13/07/2012
Julai 2012	01/07/2012 - 31/07/2012	15/08/2012
Ogos 2012	01/08/2012 - 31/08/2012	14/09/2012
September 2012	01/09/2012 - 30/09/2012	15/10/2012
Oktober 2012	01/10/2012 - 31/10/2012	14/11/2012
November 2012	01/11/2012 - 30/11/2012	14/12/2012
Disember 2012	01/12/2012 - 31/12/2012	15/01/2013
<b>Total</b>	<b>365 hari</b>	

Sumber : <https://w7.financial-link.com.my/Agency/AgentLogon.jsp>

Berpandukan kepada kedua-dua jadual di atas, pengkaji mendapati Takaful Ikhlas telah menjalankan operasi syarikat dengan berpandukan kepada kalendar Gregory. Pengkaji juga mendapati Takaful Ikhlas tidak menggunakan kalendar Hijri kerana keseluruhan perjalanan sistem kalendar yang ada di negara ini hanya melibatkan penggunaan kalendar Gregory. Melalui temubual dan kajian perpustakaan ini, didapati masih terdapat ruang lingkup yang boleh diambil oleh syarikat untuk menggunakan kalendar Hijri seperti pembayaran takaful kenderaan mengikut tarikh kalendar Hijri.

### **3.8.5 PERJALANAN PENGENDALIAN OPERASI TAKAFUL MOTOR DI TAKAFUL IKHLAS SDN. BHD (TISB)**

Seperti yang pengkaji nyatakan sebelum ini, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) menggunakan sistem kalendar Gregory sepenuhnya. Pengendalian ini dikendalikan oleh sistem yang dinamakan *flas* di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) Sistem ini adalah sistem berkomputer yang disambungkan terus penggunaannya dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), wakil takaful am dan juga syarikat<sup>85</sup>.

Laman sesawang *flas* ini hanya boleh dilayari dengan menggunakan Internet Explorer dan juga Netscape Navigator sahaja. Ia menggunakan sistem “LOGIN” untuk menggunakannya dan adalah terkawal kepada wakil takaful yang bertauliah sahaja.<sup>86</sup>

Dalam sistem ini wakil takaful akan membuat nota lindung (*cover note*) kepada bakal peserta dan memperbaharui sijil takaful motor sedia ada. Kesemua perjalanan pengiraan berkaitan takaful motor ini dikendalikan oleh syarikat melalui *on-line*. Sistem dilaksanakan melalui tarikh 00:00 GMT dan diakhiri pada 23:59 GMT hari berikutnya. Ini bermakna mengambil masa satu hari penuh untuk menutup akaun yang baharu. Sekiranya seseorang wakil takaful am ingin membuat sesuatu nota lindungan atau memperbaharui sijil takaful, mereka perlulah menyemak tarikh

---

<sup>85</sup> Mohd Fauzi Yaakob, (Eksekutif General Non Motor Underwriting).; Zaifizar Zainal Abidin, (Pengurus Aktuari Takaful Ikhlas Sdn. Bhd).

<sup>86</sup> Takaful Ikhlas Sdn.Bhd, *Financial Link Agency System (Motor Insurance) User Manual for Agent Version 1.3*, t.t.

yang betul supaya tidak berlaku pertindihan lindungan seterusnya dapat mengelak kejadian terlebih bayar kepada syarikat takaful<sup>87</sup>.

Pihak Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) tidak akan mengenakan sebarang denda kepada pemilik kenderaan sekiranya mereka lewat memperbaharui sijil takaful sedia ada tetapi jika mereka terlewat memperbaharui sijil tersebut melebihi satu tahun atau lebih, pihak syarikat boleh mengambil tindakan tidak membenarkan pembaharuan dilakukan sehinggalah mereka membawa kenderaan mereka supaya diperiksa di PUSPAKOM dan memperbaharui sijil mereka semula dalam masa 30 hari.

Melalui sistem ini juga, para peserta boleh membuat penyambungan takaful (*extension*) supaya tarikh pada sijil takaful menyamai cukai jalan. Mereka boleh membuat penyambungan tersebut bergantung kepada jumlah hari yang diinginkan dan bayaran dikenakan berdasarkan jumlah hari yang dipersetujui<sup>88</sup>.

Pembayaran sumbangan nota lindung yang dikeluarkan hendaklah dijelaskan segera bagi mengelakkan perlindungan tidak dilakukan oleh pihak syarikat sekiranya berlaku kemalangan. Nota lindung yang dikeluarkan syarikat adalah dikira berdasarkan tarif, nilai keupayaan enjin (CC), nilai diskaun tanpa tuntutan (NCD), harga semasa kenderaan (*car market value*), dan tahun pengeluaran seperti yang akan dijelaskan sebelum ini.

---

<sup>87</sup> Ibid.

<sup>88</sup> Ibid.

### **3.8.6 PENGIRAAN TAKAFUL MOTOR DI TAKAFUL IKHLAS SDN. BHD.(TISB)**

Takaful Ikhlas Sdn. Bhd (TISB) melalui pengunderaitannya telah mengira sijil takaful motor berdasarkan setahun Gregory. Kiraan ini disahkan pentaksir motornya dan bahagian aktuari motor yang terlibat<sup>89</sup>. Mereka mengatakan bahawa kiraan motor adalah berdasarkan setahun Gregory dan jika diambil dalam kalendar Hijri maka nilai diskaun tanpa tuntutan (NCD) tidak boleh diberikan kepada peserta motor tersebut. Hal ini kerana Bank Negara Malaysia (BNM) hanya mengiktiraf kenderaan yang mencukupi setahun Gregory sahaja untuk diberikan nilai diskaun tanpa tuntutan (NCD).

Takaful Ikhlas Sdn. Bhd (TISB) juga mengira takaful motor berdasarkan jumlah hari yang diinginkan oleh peserta. Bermakna peserta boleh membuat perancangan sendiri berapa jumlah hari yang diperlukan untuk memperbaharui takaful motor mereka. Hal ini dibuktikan bahawa peserta takaful boleh mengambil takaful motor untuk diselaraskan dengan cukai jalan mereka sekiranya cukai jalan tamat tempoh sebelum genap setahun Gregory. Kes ini dinamakan penyambungan takaful (*extension*)<sup>90</sup>.

Bagi pembeli kenderaan terpakai pula, mereka juga akan mengalami kes sama di mana biasanya takaful yang disertai mereka akan tamat tempoh dengan cukai jalan yang diambil di Jabatan pengangkutan jalan (JPJ) sebelum genap setahun

---

<sup>89</sup> Nor Ailis Sumedi, (Timbalan Presiden Aktuari) temubual dengan pengkaji pada 23 April 2011.;Jaslina Abdullah, (Eksekutif Pengunderaitan Motor),dalam temubual dengan pengkaji pada 10.januari.2012.

<sup>90</sup> Ibid.

Gregory. Bagi mengatasi masalah tersebut mereka perlu mengambil takaful berdasarkan jumlah hari supaya dapat diselaraskan dengan cukai jalan. malangnya peserta tidak diberikan nilai diskaun tanpa tuntutan (NCD) jika tidak cukup setahun Gregory walaupun pihak takaful memebenarkan peserta mengambil takaful berdasarkan jumlah hari yang dikehendaki.

Bagi kes pemulangan atau penarikan balik nilai diskaun tanpa tuntutan (NCD) atau disebut *withdrawn NCD* pihak takaful juga akan mengira berdasarkan jumlah hari. Jika seseorang peserta takaful ingin mengambil semula nilai diskaun tanpa tuntutannya(NCD) daripada Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB), maka mereka perlu membayar balik wang yang disumbangkan selepas pengiraan hari dibuat oleh pengunderaitan motor terbabit. Contoh pengiraan sebenar kes *withdrawn NCD* dapat dibuat seperti berikut<sup>91</sup> :-

Jika tarikh kuatkuasa takaful dari 13 ogos 2009 – 12 ogos 2010, dan tarikh *withdrawn NCD* dari 1 April 2010 hingga 12 ogos 2010 = 134 hari.

Katakan jumlah asas takaful ialah RM 875.50 dan NCD ialah 55%, maka,

$$\text{RM}875.50 - \text{RM}481.52 = \text{RM } 393.97$$

$$+ \text{duti setem} \quad \text{RM } 10$$

$$= \quad \underline{\text{RM}403.97}$$

$$\text{Jadi } \left(\frac{134}{365}\right) \times 481.52 = \underline{\underline{\text{RM } 176.77}}$$

---

<sup>91</sup> Jaslina Abdullah .*Ibid.*

Kes penyambungan adalah kes yang perlu diambil kira jika seseorang ingin memperbaharui cukai jalan tetapi dalam masa yang sama takaful atau insurans sudah tamat tempoh. Bagi mengatasi masalah penyambungan ini, peserta mestilah mencukupkan tempoh 6 bulan atau setahun bergantung kepada keperluan cukai jalan. Situasi di bawah ini merupakan situasi di mana seorang peserta telah tamat tempoh cukai jalan pada 4 Januari 2011. Tetapi dalam masa yang sama sijil takaful masih berkuatkuasa dari 4 April 2011 hingga 3 April 2012. Bermakna peserta tersebut perlu

Andaikan tempoh takaful 4 April 2011 hingga 3 April 2012 dan sumbangan asas adalah RM 500.

Cukai jalan tamat tempoh pada 4 Januari 2011

Bermakna perlu sambungkan takaful untuk cukupkan tempoh enam bulan<sup>92</sup>

Maka ambil tarikh 4 April 2012 hingga 4 Julai 2012 = 95 hari

Oleh itu,  $95 \times (\text{sumbangan asas}) / 365$

$= (95 \times 500) / 365$

$= \text{RM } 130.14$  (untuk tempoh 95 hari)

### **3.8.6.1 KIRAAN LENGKAP DAN KIRAAN PERBANDINGAN TAKWIM GREGORY DAN TAKWIM HIJRI**

Setelah memahami cara kiraan asas yang dibawa oleh pengkaji sebelum ini, di sini pula pengkaji akan letakkan kiraan lengkap untuk peserta membuat

---

<sup>92</sup> Tempoh enam bulan diberikan di sini kerana pihak JPJ hanya membenarkan kuatkuasa tempoh cukai jalan adalah antara 6 bulan atau setahun pembaharuan. Jika kurang dari itu pihak JPJ tidak menerima pembaharuan tersebut. Setiap cukai jalan yang hendak dibuat diwajibkan memiliki mana-mana sijil takaful atau poisi insurans yang sah.

sumbangan terhadap syarikat takaful. Kaedah ini adalah gabungan kaedah sumbangan asas, sumbangan tambahan (sekiranya ada), diskaun tanpa tuntutan (sekiranya ada), dan sumbangan endorsemen (sekiranya memilih untuk mendapatkan sumbangan tambahan). Jadual lengkap adalah seperti dalam jadual 3.10 berikut:-

Jadual 3.10 : Pengiraan Sumbangan Lengkap Takaful Motor<sup>93</sup>

1. Sumbangan asas	RM a
2. Tambah : Tambahan (%)	RM b
3. Jumlah sumbangan asas	RM c
4. Tolak : Diskaun Tanpa Tuntutan(NCD)	RM d
5. Tambah : Jumlah sumbangan endorsemen	$RM\ c - RM\ d = RM\ e$ RM f
6. Jumlah sumbangan kasar	$RM\ e + RM\ f = RM\ g$
7. Tambah : Cukai Perkhidmatan 6%, jika ada	$6\% \times RM\ g = RM\ h$
8. Tambah : Duti Setem	RM 10
9. Jumlah sumbangan yang perlu dibayar	$RM\ h + RM\ 10 = RM\ i$

Sumber : Tarif Insurans Motor Malaysia 1978

Bagi memudahkan proses pengiraan, pengkaji bawakan contoh seperti dalam jadual 3.11 berikut :-

Jadual 3.11 : Maklumat Untuk Kiraan Lengkap

Kategori	Maklumat	Kaedah
Lokasi kenderaan	Kuala Lumpur	Rujuk jadual tarif semenanjung
Umur	30 tahun	Rujuk (sekiranya ada loading)
Tahun buatan	2014	Rujuk (sekiranya ada loading)
Keupayaan enjin (CC)	4200 cc	Rujuk jadual tarif semenanjung
Jenis dan Model	Maserati Granturismo	Rujuk (sekiranya ada loading)
Harga Semasa Kenderaan	RM 1 000 000	Rujuk jadual tarif semenanjung
Diskaun Tanpa Tuntutan	0%	Rujuk jadual Diskaun Tanpa Tuntutan
Perlindungan Tambahan a. Cermin	RM 6000	Rujuk perlindungan tambahan

<sup>93</sup> Persatuan Insurans Am Malaysia, "Malaysian Motor Tariff." 5:5.

Pengiraan lengkap boleh dilihat dalam jadual 3.12 di bawah :-

Jadual 3.12: Kiraan Lengkap Sumbangan Takaful

1. Sumbangan asas	RM 26,390.20
2. Tambah : Tambahan (%)	RM 0
3. Jumlah sumbangan asas	RM 26,390.20
4. Tolak : Diskaun Tanpa Tuntutan(NCD)	RM 0
5. Tambah : Jumlah sumbangan endorsemen	RM 900
6. Jumlah sumbangan kasar	RM 27,290.20
7. Tambah : Cukai Perkhidmatan 6%, jika ada	RM 0
8. Tambah : Duti Setem	RM 10
9. Jumlah sumbangan yang perlu dibayar	RM 27,300.20

Setelah meneliti kiraan yang dibuat berdasarkan kiraan kalendar Gregory, maka pengkaji beranggapan bahawa satu kiraan untuk memendekkan kalendar Gregory dari 365 hari kepada 354 hari perlu dibuat. Pemendekan hari ini perlu bagi diselaraskan dengan kalendar Hijri yang berjumlah 354 hari. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, kiraan kalendar Gregory telah dibuat adalah berdasarkan hari iaitu 365 hari di mana terdapat pembahagian dan pendaraban yang melibatkan angka 365.

Justeru melalui temubual yang dijalankan juga, pengkaji mendapati untuk mendapatkan kiraan dalam Hijri, kiraannya mesti dipendekkan seperti berikut<sup>94</sup> :-

$$\frac{(y) \times 354}{365}$$

Di mana, 354 ialah tempoh hari dalam takwim Hijri

365 ialah tempoh hari dalam takwim Gregory

<sup>94</sup> Zaifizar Zainal Abidin, (Pengurus Aktuari Takaful Ikhlas Sdn. Bhd), dalam temubual dengan pengkaji pada 13 Januari 2011.



### 3.9 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan beberapa perkara penting dalam bab ini sebagaimana berikut:-

1. Melalui kajian perpustakaan dan temubual yang telah dijalankan oleh pengkaji, didapati sistem operasi yang dijalankan di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.(TISB) selama ini adalah berdasarkan sistem kalendar Gregory. Jika ada peserta yang inginkan takaful motor dalam kalendar Hijri walaupun tidak disebut secara tepat ianya kalendar Hijri, namun pihak syarikat tidak boleh memberikan nilai diskaun tanpa tuntutan (NCD) kerana hal tersebut bertentangan dengan amalan biasa yang telah dilaksanakan sekian lama.
2. Pengkaji juga mendapati bahawa segala produk yang ditawarkan oleh Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. (TISB) adalah berdasarkan tahun Gregory dan ia dilaksanakan selama 365 hari. Walaupun ada produk-produk yang ditawarkan berdasarkan hari yang dikehendaki, tetapi kebanyakan produk adalah berdasarkan 365 hari kiraan kalendar Gregory.
3. Produk takaful motor memang ditawarkan selama 365 hari seperti yang didapati dalam kajian ini. Namun apa yang lebih menarik, pengkaji dapati ianya boleh dilanggan berdasarkan hari. Perkara ini terbukti apabila terdapat dua kes besar yang melibatkan kes penyambungan (*extension*) dan juga kes *withdrawn NCD*.